

Kes murid kena denggi serius

BH
17/12/2015
M/S 19

» Pelbagai usaha cegah wabak tak berhasil

Oleh Ahmad Suhael Adnan

ahmad.suhael@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kira-kira 20 peratus daripada 114,000 kes demam denggi yang dilaporkan sepanjang tahun ini membabitkan murid sekolah.

Timbalan Menteri Pendidikan, P Kalamathan (**gambar**), berkata wabak denggi yang semakin serius membabitkan kanak-kanak menimbulkan kebimbangan kementerian dan Kementerian Kesihatan kerana pelbagai usaha membasmi wabak itu dijalankan tetapi tidak menunjukkan hasil memberangsangkan.

Tingkatkan kesedaran

Justeru, beliau menggesa lebih banyak pembabitan sekolah serta kerjasama ibu bapa dalam program kesihatan bagi meningkat-



kan kesedaran berhubung virus itu dalam kalangan murid, pelajar, guru dan komuniti.

“Di peringkat kementerian, kami mengadakan program pendidikan kesihatan dan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan seperti Program Dengue Patrol untuk mendidik murid dan pelajar.

“Program seperti itu memberi pendedahan mengenai denggi dan akan menjadi ejen pengubah fikiran ibu bapa serta membantu komuniti setempat untuk memerangi denggi menerusi aktiviti pembersihan di kawasan kejiranan masing-masing.

“Kami juga menggalakan lebih banyak syarikat swasta bekerjasama dengan kementerian bagi melaksanakan program di sekolah, sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM)

2013-2025,” katanya pada sidang media majlis penyampaian hadiah Program Dengue Patrol 2015, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan, Dr Zailiza Suli dan Pengarah Urusan Sanofi Pasteur, Baptiste De Clarens.

Terdahulu, Selangor diumumkan sebagai negeri terbaik bagi Program Dengue Patrol 2015, Sekolah Kebangsaan Sungai Binjai, Klang, dan Sekolah Menengah Kebangsaan Saujana Utama, Sungai Buloh, masing-masing diumumkan sebagai pemenang keseluruhan kategori sekolah rendah dan menengah.

Program itu yang bertujuan meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab murid dan pelajar menangani penularan wabak denggi dalam komuniti, disertai 156 sekolah rendah dan menengah dari seluruh negara.

Pemenang pertandingan membawa pulang wang tunai RM8,000, sijil dan trofi, manakala anugerah negeri cemerlang membawa pulang RM3,000, sijil dan plak.